



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PPK223/4 –LIVING SKILLS IN SPECIAL EDUCATION**

**SIDANG AKADEMIK 2018/2019**

**SEMESTER 1**

**KAJIAN KES: KAJIAN KES TERHADAP KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS  
TENTANG ASPEK KEMAHIRAN HIDUP**

DISEDIAKAN OLEH:



NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

EMAIL: [nurulfikrah091@gmail.com](mailto:nurulfikrah091@gmail.com)

NO KAD PENGENALAN: 980207115208

NO MATRIK: 141428

**DISEDIAKAN UNTUK: DR RAJESHWARI**

## ISI KANDUNGAN

### ABSTRAK

### KANDUNGAN

### PENGHARGAAN

#### 1.0 PENGENALAN

#### 2.0 OBJEKTIF PROGRAM YANG DIPILIH

2.1 Mengkaji aspek kemahiran hidup yang diaplikasikan oleh pelajar berkeperluan khas di sekolah

2.2 Mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru atau ibu bapa tentang perkembangan tingkah laku serta kemahiran hidup oleh pelajar berkeperluan khas

2.3 Tindakan yang boleh diambil oleh guru untuk membentuk kemahiran hidup Pelajar berkeperluan khas

#### 3.0 LOKASI KAJIAN

#### 4.0 SASARAN KAJIAN

#### 5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

#### 6.0 SKOP KAJIAN

#### 7.0 LIMITASI KAJIAN

#### 8.0 STRATEGI DAN METHODOLOGI KAJIAN

8.1 Kaedah temu bual

8.2 Kaedah pemerhatian melalui permainan dan interaksi

8.3 Kaedah soal selidik

#### 9.0 DAPATAN KAJIAN

#### 10.0 RUMUSAN KAJIAN

#### 11.0 BILIOGRAFI

#### 12.0 LAMPIRAN

**KAJIAN KES TERHADAP KANAK-KANAK  
BERKEPERLUAN KHAS TENTANG ASPEK KEMAHIRAN  
HIDUP**

**ABSTRAK**

Kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji kanak-kanak berkeperluan khas tentang aspek kemahiran hidup. Terdapat beberapa objektif kajian yang telah digariskan sebagai komponen utama kajian iaitu untuk mengkaji aspek kemahiran hidup yang diaplikasikan oleh pelajar berkeperluan khas di sekolah. Seterusnya, pengkaji mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru atau ibu bapa tentang perkembangan tingkah laku sampel kajian tersebut menunjukkan perbezaan antara tingkah laku di sekolah mahupun di rumah. Di samping itu, kami juga mengkaji tindakan yang boleh diambil oleh guru untuk membentuk kemahiran hidup Pelajar berkeperluan khas sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dalam aspek kemahiran hidup. Lokasi kajian bagi sidang 2018/2019 ini terletak di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Besut, Terengganu. Antara metodologi kajian yang digunakan ialah seperti kaedah soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Pengkaji juga didedahkan dengan cabaran sebenar yang dihadapinya dalam pendidikan khas dan ini boleh dijadikan sebagai panduan pengkaji pada masa akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan tugas yang diberikan bagi kursus Kemahiran Hidup Dalam Pendidikan Khas (Kemahiran Sosial) bagi sidang akademik 2018/2019 semester 1. Tajuk yang diberikan pada semester ini ialah ‘Kajian Kes terhadap Kanak-Kanak Bekeperluan Khas dalam Aspek Kemahiran Hidup’

Dengan kesempatan yang diberikan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi membantu saya dalam proses menyiapkan tugas saya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah bagi kursus Kemahiran Hidup Dalam Pendidikan Khas (Kemahiran Sosial) iaitu Dr.R.Rajesvari kerana sering memberi tunjuk ajar dan nasihat yang bermakna buat saya sekali gus menjadi pendorong untuk saya menyiapkan tugas yang diberikan.

Tidak lupa juga kepada guru-guru di Pendidikan Khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering yang banyak memberi maklumat berguna kepada saya dan membimbing saya dalam membuat tugas ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang tidak lokek menyumbang idea kepada saya agar tugas yang dijalankan ini dapat diselesaikan dengan kreatif dan kritis dari segi penyampaian maklumat.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mana-mana pihak yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung bagi saya menjayakan tugas ini dengan baik.

## 1.0 PENGENALAN

Setiap ciptaan yang berlaku di dunia ini merupakan satu kejadian yang unik dan tidak ternilai. Begitu juga dengan kelahiran seorang anak yang bekeperluan khas. Mereka juga mampu hidup normal seperti kanak-kanak lain. Malahan mereka sebenarnya lebih istimewa dan sangat berkebolehan dalam banyak perkara tanpa kita sedari keunikan yang ada dalam diri mereka. Oleh itu, Kemahiran hidup bagi kanak-kanak pendidikan khas telah digubal bagi memenuhi keupayaan kanak-kanak khas untuk melakukan kurikulum kemahiran hidup dalam pendidikan khas. Antaranya termasuklah kemahiran motor, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, dan kemahiran kerjaya. Kanak-kanak pendidikan khas akan diajar dengan sebaiknya agar mereka dapat berdikari dan dapat memberi sumbangan kepada Negara.

Saya telah mengkaji aspek Kemahiran Hidup melalui seorang kanak-kanak pendidikan khas yang mempunyai masalah lembam (slow learner). Pelajar yang perlahan adalah anak-anak yang lambat memproses sesuatu perkara yang diajarkan di sekolah dan rumah. Kanak-kanak lembam merujuk kanak-kanak yang lemah dari segi kemahiran membaca, menulis dan mengira pada tahap umur tertentu. Kanak-kanak ini disifatkan mempunyai umur fizikal melebihi umur mental. Umur fizikal tidak melambangkan tahap pemikiran mereka. Misalnya, umur kanak-kanak 12 tahun tetapi tahap pemikirannya kemungkinan berada pada usia sembilan atau sepuluh tahun. Oleh itu, kanak-kanak lembam tergolong dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU). Jabatan Pendidikan Khas dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengiktiraf kanak-kanak lembam berada dalam kelompok berkeperluan khas dan kanak-kanak ini juga layak menerima elaun daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kegunaan perbelanjaan seharian.

Bagi kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran, pada kebiasaannya, ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Walau bagaimanapun, jika pemeriksaan dibuat oleh pakar perubatan mengesahkan kanak-kanak tersebut tidak berada dalam kelompok kanak-kanak lembam, iaitu kanak-kanak ini tidak mempunyai sebarang kecacatan dalam sistem saraf terutamanya dari segi otak, kanak-kanak ini akan ditempatkan dalam Program Pemulihan Khas (PPK) yang tergolong dalam kelompok sekolah arus perdana. Pendek kata program Pendidikan khas sangat penting bagi membina kemahiran hidup dalam diri pelajar. Pendidikan Khas boleh dimaksudkan sebagai kaedah-kaedah yang dibentuk khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang mengalami pelbagai kecacatan atau kurang upaya. Pendidikan Khas juga merangkumi aspek-aspek pengajaran dan

pembelajaran, latihan jasmani dan juga pendidikan yang berteraskan rumah, hospital dan institusi.

Kurikulum untuk pendidikan khas ini juga sebahagian daripada kurikulum biasa yang telah diubah suai dengan tujuan memenuhi keperluan-keperluan khas bagi murid-murid yang mengalami pelbagai jenis kecacatan atau kurang upaya itu. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mahukan sistem pendidikan di negara kita yang boleh melahirkan pelajar yang seimbang.

Kemahiran hidup ini jika dikaji dengan mendalam ia bermaksud kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Kebolehan psikososial untuk tingkah laku adaptif dan positif yang membolehkan individu untuk menangani tuntutan dan cabaran kehidupan seharian dengan berkesan. Set kemahiran manusia yang diperolehi secara pembelajaran atau pengalaman terus digunakan untuk mengatasi secara berkesan segala masalah dan cabaran. Set kemahiran yang diperlukan secara spesifik dalam kehidupan moden yang berasaskan industri.

Secara amnya kita juga, sudah mengetahui bahawa setiap individu mempunyai tingkah laku yang berbeza begitu jugs dengan kanak-kanak lembam ini. Tingkah laku merupakan apa sahaja perkara yang diperkatakan dan dilakukan oleh seseorang individu. Menurut Lewis M.Beaker (2001), sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara sedar atau separa sedar. Pada keseluruhannya, tingkah laku merujuk kepada semua tindakan manusia yang boleh diperhati, diukur dan dinilai (Bear, Wolf and Risky, 1968).

Menurut Nind & Hewett (1998), kanak-kanak ini memerlukan metodologi pengajaran yang boleh menggalakkan mereka berinteraksi. Kemampuan guru untuk berinteraksi adalah amat penting untuk membentuk perilaku mereka yang positif. Adalah tidak dapat dielakkan untuk guru-guru kanak-kanak berkeperluan khas untuk menerima latihan khas supaya dapat mengoptimumkan pembelajaran kanak-kanak ini.

Kesimpulannya, setiap kejadian di muka bumi ini ada keistimewaannya tanpa disedari. Oleh itu, kita seharusnya tidak membiarkan mereka begitu sahaja tanpa memberi sebarang pengajaran dan pembelajaran agar mereka dapat menjadi manusia yang berdikari apabila keluar kelak. Pendek kata, dengan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak dapat membentuk mereka menjadi manusia yang berjaya

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

### **2.1 Mengkaji aspek kemahiran hidup yang diaplikasikan oleh pelajar berkeperluan khas di sekolah:**

Kemahiran hidup yang akan diperhatikan oleh kami terhadap kajian sampel semasa Kajian. Saya akan memerhatikan sama ada kajian sampel mempunyai kemahiran hidup yang boleh diaplikasikan di rumah atau selepas tamat belajar kelak. Hal ini demikian kerana, kebolehan kajian sampel akan memberi maklumat jelas mengenai kanak-kanak yang mempunyai masalah lembam

### **2.2 Mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru atau ibu bapa tentang perkembangan tingkah laku sampel kajian:**

Saya juga akan turut memerhatikan sama ada sampel kajian mempunyai tingkah laku yang positif atau negatif ketika berada di bilik darjah. Perkara ni dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap sosio emosi pelajar yang mempunyai masalah lembam kerana setiap masalah pembelajaran mempunyai tingkah laku yang berbeza mengikut jenis masalah. Oleh itu, dengan kajian yang dilakukan oleh kami akan dapat memberi pengetahuan kepada kami jika tingkah laku sampel kajian berubah mengikut situasi yang tidak dijangka.

### **2.3 Tindakan yang boleh diambil oleh guru untuk membentuk kemahiran hidup Pelajar berkeperluan khas:**

Kajian yang dijalankan ini turut membolehkan kami mengenalpasti kaedah kaedah yang boleh dilakukan oleh guru untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas menguasai kemahiran-kemahiran asas dalam komponen kemahiran hidup sama ada dalam bilik darjah atau luar bilik darjah agar mereka juga dapat menjalankan kelangsungan hidup mereka sebagai pelajar dan anggota masyarakat.

### 3.0 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Kampung Pulau Rimau, 22000 Besut, Terengganu.



Peta 1: Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering



FOTO 1: Pintu Masuk Smk Seri Nering





FOTO 2: Bilik darjah Program Pendidikan Khas Integrasi(PPKI)

Bilik darjah yang disediakan baagi pelajar yaang bekeperluan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering sebanyak 5 bilik darjah. Kelima-lima bilik darjah ini disediakan mengikut tahap kognitif pelajar bekeperluan khas. Seramai 32 orang pelajar yang mengikut proses pembelajaran dan pengajaran PPKI di SMK Seri Nering ini. Setiap bilik darjah dihuni oleh 5 hingga 6 orang pelajar



FOTO 3: Bilik Bacaan

Bilik bacaan bagi kanak-kanak bekeperluan khas ini biasanya digunakan pada waktu rehat pelajar dan digunakan ketika mempunyai sebarang aktiviti bercerita dan permainan kompang. Bilik bacaan ini menyediakan pelbagai jenis buku cerita mengikut tahap pembelajaran mereka. Bilik bacaan ini diselia oleh guru pendidikan khas setiap 3 bulan. Bilik bacaan ini juga dicat menggunakan warna lembut bagi mewujudkan suasana harmoni kepada pelajar bekeperluan khas ini



#### **4.0 SASARAN KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Besut, Terengganu yang telah menyediakan Program Pendidikan Khas Integrasi kepada pelajar bekeperluan khas masalah pembelajaran. Permasalahan yang menjadi sasaran kami ialah pelajar lembam.

Pelajar yang dijadikan sasaran ialah Nur Siti Aisyah Binti Lillah yang berusia 16 tahun yang mengalami masalah lembam. Aisyah telah berdaftar sebagai pelajar bekeperluan khas di SMK Seri Nering selama dua tahun iaitu bermula pada tahun 2016. Sebelum sampel kajian ini menerima pendidikan di SMK Seri Nering, sampel kajian ini bersekolah di salah sebuah sekolah di negeri Kelantan. Namun, berpindah ke Terengganu kerana mengikut ayahnya bertukar tempat kerja.

Sampel kajian ini tidak mempunyai masalah kesihatan kecuali masalah lembam dan kecacatan fizikal sejak lahir. Sampel kajian ini mempunyai pergerakan yang terbatas disebabkan oleh permasalahan yang berlaku ketika dalam kandungan ibunya. Wajahnya juga kelihatan seperti wanita berumur. Bapanya dapat mengesan gejala ketidakupayaan anaknya ketika anaknya berusia 8 tahun apabila sampel kajian masih tidak boleh berjalan seperti kanak-kanak normal yang lain. Oleh itu, bapanya telah membawa anaknya melakukan pemeriksaan secara berkala dengan doktor pakar lalu sampel kajian disahkan mengalami masalah lembam disebabkan beberapa aspek antaranya ialah pertuturan yang terbatas walaupun sudah berusia 8 tahun pada ketika itu serta masih menghesot tubunya untuk bergerak. Walaupun begitu, setelah sampel kajian mencapai umur belasan tahun, sampel kajian dikesan dapat mengingati semua perkara yang diberitahu kepadanya.

Sampel kajian ini mampu membaca walaupun bacaannya terbatas tetapi sampel kajian sangat tidak gemar menulis atau membuat sebarang catatan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di bilik darjah. Sampel kajian ini juga mudah berasa bosan apabila sahabat baiknya tidak hadir ke sekolah. Sampel kajian ini akan keluar dari bilik darjah untuk berjalan-jalan disekitar luar bilik darjah hingga ke kawasan perpustakaan yang berhampiran.

## **5.0 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tentang penguasaan kemahiran hidup pelajar masalah pembelajaran (lembam) yang terdiri daripada komponen masakan, jahitan pertukangan dan perkebunan mampu diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Selain itu, kajian ini dibuat untuk memberi penerapan kemahiran tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas masalah pelajaran dalam aspek kemahiran hidup agar mereka lebih bersikap terkawal dari segi pengurusan dan penggunaan alatan yang disediakan ketika proses pengajaran dan pembelajaran

Kajian ini dijalankan juga untuk membolehkan pengkaji menerangkan kaedah yang digunakan guru sebagai intervensi awal dan cara efektif untuk pelajar masalah pembelajaran (lembam) untuk menguasai kemahiran hidup yang diajarkan guru.

## **6.0 SKOP KAJIAN**

Dalam kajian ini pengkaji hanya mengkaji kemahiran hidup kanak-kanak berkeperluan khas dari aspek kemahiran hidup dan tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas masalah pembelajaran(lembam). Selain itu, pengkaji hanya memberi fokus kemahiran hidup berdasarkan 4 komponen rancangan pengajaran iaitu masakan,jahitan, perkebunan dan pertukangan. Namun begitu, Program Pendidikan Khas Integrasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering memberi tumpuan yang lebih mendalam pada aspek masakan dan juga perkebunan tetapi tidak boleh dinafikan rancangan pengajaran komponen jahitan dan pertukangan juga diambil kira walaupun dalam skala yang kecil sahaja.

Disamping itu, dari segi tingkah laku dan emosi pelajar pendidikan khas juga perlu diambil kira oleh pihak guru, dan juga ahli masyarakat yang tinggal berdekatan dengan mereka. Hal ini demikian kerana, akan berlaku kesukaran melakukan tugas dan mesej tidak dapat difahami dengan jelas oleh pelajar bekeperluan khas kerana emosi dan tingkah laku mereka ini. Tugas yang diberikan guru tidak dapat dijalankan dengan baik disebabkan perkara-perkara sebegini yang sepatutnya mampu dikawal bersama. Oleh itu, jelaslah bahawa aspek kemahiran hidup yang dipelajari ini berkait rapat dengan tingkah laku dan emosi pelajar bekeperluan khas ketika menjalankan sebarang tugas

## **7.0 LIMITASI KAJIAN**

Kajian telah dijalankan selama 2 hari pada 7 hingga 8 november 2018. Kajian kami dimulakan dengan pertemuan antara saya dan Penolong Kanan Program Pendidikan Khas Integrasi iaitu Puan Syamsiah Binti Mat Jali. Kedatangan kami disambut oleh beliau sendiri. Beliau telah memudahkan kerja saya dengan memperkenalkan saya pada guru-guru pendidikan khas seramai 7 orang guru terbahagi kepada seorang guru lelaki serta 6 orang tenaga pengajar perempuan. Beliau turut memperkenalkan kami dengan 3 orang pembantu guru yang menjadi pemudah cara kerja buat guru-guru pendidikan khas dalam menjalankan tugas untu memberi ilmu pengetahuan kepada yang berkeperluan khas. Puan Syamsiah telah menjelaskan secara ringkas tentang penubuhan dan struktur pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering. Kajian dijalankan dengan mudah dan pantas tanpa sebarang masalah kerana semua guru dan pembantu guru memberi

pertolongan yang padu dan sepenuhnya kepada kami untuk memudahkan urusan tugas kami. Secara tidak langsung, kami dapat memahami serba sedikit tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas berhubung dengan perjalanan pengajaran dan pembelajaran.

Soalan kaji selidik telah diedarkan kepada guru-guru yang bertanggungjawab dalam mengisi data-data diri sampel kajian untuk memudahkan saya mengenalpasti kecenderungan dan minat sampel kajian dalam aspek kemahiran hidup. Puan Syamsiah telah memberikan profil sampel kajian kepada saya supaya dapat mengumpul data yang lebih lanjut antaranya termasuk Rancangan Pengajaran Individu(RPI) Kemahiran Hidup, laporan aktiviti yang telah dijalankan oleh sampel kajian, pencapaian sampel kajian dan permasalahan sampel kajian sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Puan Syamsiah juga telah megaturkan temubual antara kami dengan guru kelas dan pembantu guru sampel kajian iaitu Nur Siti Aisyah Binti Lillah untuk mendapatkan maklumat lebih tepat mengenai sampel kajian. Hasil daripada temubual itu juga kami mendapati bahawa sampel kajian lebih gemar menggunakan masa untuk komponen masakan berbanding aspek kemahiran hidup yang lain. Kami telah diberi pendedahan tentang proses pengajaran dan pembelajaran rutin sampel kajian.

Sampel kajian telah melibatkan diri dalam kelas masakan, tanaman, pengurusan diri dan agama. Saya telah bersama-sama sampel kajian dan telah menjalankan pemerhatian terhadapnya serta cuba untuk berinteraksi denganya walaupun menghadapi sedikit kesukaran kerana sikap malunya dengan orang yang baharu sahaja dikenalnya. Oleh pelbagai pendekatan yang telah kami ambil untuk menarik minat dan perhatian sampel kajian untuk mengadakan satu komunikasi yang berkesan ketika kajian dijalankan.

## **8.0 STRATEGI DAN METODOLOGI KAJIAN**

Terdapat tiga kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian kes ini iaitu kaedah temu bual, pemerhatian melalui permainan dan interaksi, serta kaedah soal selidik.

### **Kaedah temu bual:**

Saya telah menjalankan kaedah temubual ini sebelum serta selepas saya menjalankan kajian. Saya menjalankan temubual pertama ialah sebelum kajian ini dijalankan. Hal ini

dimana saya telah menemubual Puan Syamsiah Binti Mat Jali bagi mengetahui lebih lanjut tentang kelas pendidikan khas di Sekolah Menengah Seri Nering. Menurut Puan Syamsiah, jumlah pelajar pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering seramai 32 orang pelajar yang berlatarkan pelbagai masalah pembelajaran antaranya ialah autisme dan lembam. Puan Syamsiah juga telah membantu kami untuk berkomunikasi dengan sampel kajian. Kami juga sempat menemubual sampel kajian dengan mengajukan beberapa soalan yang berkaitan dengan kemahiran hidup yang dipelajarinya ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Namun murid terbabit tidak memberi sebarang respon jelas ketika soalan dikemukakan akibat daripada ketidaklancaran interaksi dua hala yang menyebabkan mesej yang ingin kami sampaikan itu tidak bermakna bagi mereka.

Selepas itu, kami juga telah mengambil inisiatif untuk berinteraksi dengan guru kelas sampel kajian untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkara peribadi serta latar belakang kehidupan sebenar sampel kajian yang dihadapi. Daripada perbualan yang berlangsung selama beberapa jam antara kami dan guru kelasnya, kami telah mendapati bahawa sampel kajian memang dilahirkan dengan keadaan tidak seperti lahirnya seorang yang normal. Hal ini lebih mengejutkan lagi apabila kami mengetahui bahawa sebenarnya sejak lahir hingga berusia 8 tahun sampel kajian masih tidak boleh berjalan. Sampel kajian dilahirkan dengan keadaan kulit muka berkedut dan kelihatan menghadapi penuaan berbanding dengan kanak-kanak normal yang sebaya dengannya. Sampel kajian merupakan anak sulung daripada 3 adik beradik, namun begitu, perhatian yang lebih selalu diberikan kepada Aisyah kerana kekurangannya. Di samping, kulit yang berkedut seperti orang berumur, sampel kajian juga tidak boleh berjalan dengan baik kerana masalah fizikal yang ada sejak lahir lagi.

Walaupun begitu, kami tidak mengambil kira kelemahan yang dihadapi Aisyah kerana Aisyah sangat mahir dalam aspek masakan di sekolahnya. Sampel kajian boleh membuat beberapa masakan berdasarkan resepi Masakan yang siap dimasak akan dijual kepada guru-guru dan pelajar-pelajar lain.

Hal ini membuktikan kajian bahawa pelajar bermasalah pembelajaran(lembam) juga mampu menguasai beberapa elemen dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan walaupun proses pengajaran itu agak perlahan jika dibandingkan dengan pelajar normal.

### **Kaedah pemerhatian melalui permainan dan interaksi:**

Seterusnya kami juga telah membuat kajian dengan kaedah pemerhatian melalui permainan dan interaksi pelbagai hala. Kami menjalankan pemerhatian melalui permainan iaitu dengan bermain secara berkumpulan. Permainan yang digunakan oleh saya ialah permainan teka-teki kerjaya. Tujuan saya bermain teka-teki dengan sampel kajian dan pelajar keperluan khas yang lain adalah untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan sampel kajian mengenai kerjaya yang ada melibatkan kemahiran hidup yang telah dipelajari oleh sampel kajian dengan rakan-rakan sekelasnya yang lain. Oleh itu, kami dapat mengetahui sejauh mana kecenderungan mereka ke atas apa yang dipelajari. Pendek kata, teka-teki kerjaya ini dibuat oleh kami semata-mata untuk memberitahu mereka bahawa mereka juga dapat merealisasikan cita-cita mereka dengan kesungguhan yang ada pada mereka serta bantuan guru-guru pasti mereka menjadi seorang individu yang cemerlang seperti kanak-kanak normal yang lain.

Selain itu juga, berlakunya interaksi pelbagai hala daripada permainan yang dijalankan kerana semua pihak termasuk sampel kajian mahu mengutarakan idea dan pendapat. Oleh itu, hasil yang kami terima daripada aktiviti ini amat memberangsangkan kerana semua pelajar termasuk sampel kajian dapat berkomunikasi dengan baik walaupun pada awalnya mereka agak keberatan untuk bersuara.

### **Kaedah soal selidik:**

Kaedah soal selidik ini telah kami jalankan semasa kajian kami berlangsung. Kami telah memilih 4 orang responden untuk menjawab soalan soal selidik kami. Antaranya termasuklah, Puan Syamsiah Binti Mat Jali, Guru Penolong Kanan Program Pendidikan Khas, guru kelas, guru subjek Kemahiran Hidup dan juga seorang pembantu guru yang menguruskan pelajar. Soalan soal selidik yang dibuat banyak berkaitan dengan personaliti dan tingkah laku, kebolehan diri, dan kawalan emosi pelajar.

Kami telah menyediakan satu ruang kosong untuk responden memberi jawapan mengenai langkah-langkah bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan khas di sekolah bagi melahirkan pelajar pendidikan khas yang berkebolehan dan berjaya mengaplikasikan kemahiran hidup yang dipelajari dalam kehidupan mereka agar mereka mampu menjadi

manusia yang berdikari tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Borang soal selidik, telah kami lampirkan bersama pada bahagian lampiran i.

Jawapan daripada soalan kaji selidik ini telah membantu kami untuk mengolah idea bagi mengenalpasti dengan lebih jelas mengenai personaliti, tingkah laku, kawalan emosi serta tahap kebolehan diri. Kaedah-kaedah ini dijalankan bagi memberi pengesahan dan refleksi ke atas kaedah lain yang kami gunakan.

## **9.0 Dapatan kajian**

### **9.1 Mengkaji aspek kemahiran hidup yang diaplikasikan oleh pelajar bekeperluan**

#### **khas di sekolah**

Kemahiran hidup merupakan salah satu mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh pelajar bekeperluan khas. Walaubagaimanapun, kurikulum dan sukatan pelajarannya tidak sesukar pelajar normal yang lain. Ini disesuaikan dengan tahap keupayaan mereka. Komponen kemahiran hidup terdiri daripada empat komponen iaitu masakan, jahitan, pertukangan dan perkebunan. Komponen-komponen ini memberi penekanan kepada pengetahuan asas, nilai dan kemahiran untuk membolehkan murid berkeperluan khas lebih berkeyakinan untuk berdikari. Pengkaji telah melakukan kajian ke atas aspek Kemahiran Hidup pelajar pendidikan khas masalah pembelajaran (lembam) di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering. Lembam ini boleh didefinisikan sebagai tidak ada kekuatan, lembap, tidak cergas, lemah (berkenaan seseorang menerima pelajaran). Masalah ini dapat dikesan jika pemeriksaan dengan pakar kesihatan dijalankan. Selain itu, lembam juga diberi maksud sebagai seseorang yang tidak dapat mengikuti pelajaran dalam kelas, dari segi kokurikulum dan sebagainya. Mereka ini terlampau lambat untuk mencapai objektif pengajaran serta mempunyai daya rangsangan dan daya pengamatan yang lemah.

Kami telah membuat kajian ke atas seorang pelajar masalah pembelajaran (lembam) yang bernama Nur Siti Aisyah Binti Lillah yang berusia 16 tahun. Sampel kajian ini berasal dari Kelantan tetapi telah berpindah ke Besut, Terengganu kerana mengikut ayahnya berpindah kerja pada tahun 2016. Sampel kajian merupakan antara pelajar perempuan yang paling aktif di dalam kelasnya walaupun dengan keadaan



pergerakannya yang terbatas tetapi perkara ini tidak pernah menghalang sampel kajian untuk menghadiri proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sampel kajian merupakan pelajar yang paling rajin hadir ke sekolah. Buktinya, sudah dua tahun sampel kajian mendapat anugerah pelajar pendidikan khas cemerlang dari segi kehadiran ke sekolah. Pihak Program Pendidikan Khas Integrasi telah menyampaikan sijil penghargaan dan sedikit cenderamata tanda penghargaan di atas kerajinan sampel kajian ke sekolah pada setiap hari.

Sampel kajian berjaya menunjukkan prestasi yang baik sepanjang persekolahannya dan sampel kajian ini sangat digemari oleh guru-guru dan pelajar arus perdana yang lain kerana sikapnya yang menyenangkan.

Terdapat beberapa subjek yang telah dipelajari oleh sampel kajian dan di antara subjek yang paling diminati sampel kajian ialah subjek Kemahiran Hidup kerana subjek ini lebih kepada pengaplikasian dan bukannya pembelajaran secara teori yang dianggap membosankan oleh pelajar keperluan khas masalah pembelajaran (lembam) ini. Kami dapat mengenalpasti kebolehan yang ada dalam diri sampel kajian melalui kelas subjek Kemahiran Hidup yang diajarkan di sekolah. Sampel kajian cenderung untuk melakukan kerja-kerja masakan dan tanaman berbanding pertukangan dan juga jahitan. Hal ini, disebabkan oleh dorongan dan sokongan guru-guru kepada sampel kajian dalam membuat kerja buat mengikut elemen-elemen masakan dan perkebunan. Pelbagai jenis resepi masakan yang berjaya dikuasai oleh sampel kajian antaranya ialah nasi goreng, sandwic, karipap, kek, dan bihun goreng. Sampel kajian akan memasak dengan bantuan guru Kemahiran Hidup. Masakan yang dibuat oleh mereka akan dihidang bersama dengan masakan yang dibuat oleh guru-guru. Hal ini telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka berjalan dengan lancar dan menyeronokkan. Pembelajaran yang berbentuk praktikal ini lebih memberi pemahaman kepada sampel kajian untuk membuat sesuatu kerja berdasarkan aspek kemahiran hidup.

Kemahiran memasak yang dimiliki oleh sampel kajian ini telah membantu sampel kajian untuk hidup berdikari. Jika diperhatikan dengan teliti, kemahiran memasak adalah tajuk pertama dalam sukatan Pelajaran Komponen Kemahiran Hidup Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Kemahiran ini telah memberi perkembangan motor halus, motor kasar dan pengamatan murid kepada sesuatu perkara. Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran komponen masakan diubahsuai

mengikuti tahap keupayaan dan kebolehan murid menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran telah berjalan lancar.

Selain itu, sampel kajian juga menunjukkan minat dalam komponen perkebunan yang turut dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering. Kemahiran Hidup Perkebunan ini merupakan tajuk keempat dalam sukatan Pelajaran Komponen Kemahiran Hidup. Sampel kajian dan rakan sekelasnya yang lain telah menjalankan projek tanaman kangkung, bayam merah dan sawi di kebun kecil pada bahagian belakang kelas mereka.

Pada setiap pagi pada hari Selasa dan Rabu, mereka akan bersama-sama ke kebun mereka untuk mencabut rumput, membaja dan menyiram. Perkara ini semuanya dilakukan oleh sampel kajian dan rakan-rakannya. Mereka akan melakukan tugas ini secara bersama. Secara tidak langsung perkara ini akan menyebabkan interaksi antara sampel kajian dengan rakan-rakan serta guru-guru akan berjalan dengan lancar. Aktiviti ini telah memberi ilmu pengetahuan kepada sampel kajian mengenai fungsi alatan yang digunakan dan cara-cara untuk bercucuk tanam. Walaupun, sampel kajian mempunyai masalah lambat, sampel kajian tetap mampu memahami mesej yang disampaikan. Kefahaman pelajar lambat dan pelajar normal mungkin berlainan dari segi pemahaman maksud mesej yang disampaikan. Namun begitu, guru-guru masih boleh membantu pelajar tersebut untuk memahami perkara yang diajarkan.

Kesimpulannya, aspek Kemahiran Hidup yang diaplikasikan oleh pelajar keperluan khas Masalah Pembelajaran ini amat penting bagi mereka semua agar perkara ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian tanpa berlakunya pergantungan kepada pihak lain atau masyarakat sekeliling. Kebolehan yang ada dalam diri seseorang individu seperti sampel kajian boleh digunakan sebagai satu kerjaya kepadanya. Oleh itu, semua pihak terutamanya ibu bapa dan guru-guru haruslah saling bertanya khabar dan memberi motivasi serta pengajaran agar sampel kajian dan rakan-rakan berjaya dengan cemerlang. Minat mereka dapat diserlahkan dengan adanya bantuan pihak sekeliling yang peka dengan kebolehan sampel kajian. Rujuk lampiran 1.

**9.2 Mendapatkan maklumat dan maklum balas daripada guru atau ibu bapa  
tentang perkembangan tingkah laku sampel kajian:**

**BORANG SOAL SELIDIK TINGKAH LAKU EMOSI KANAK-KANAK  
BERKEPERLUAN KHAS**

NAMA MURID : Nur Siti Aisyah Binti Lillah

UMUR : 16 Tahun

KATEGORI MASALAH PEMBELAJARAN : Lambam

<b>Bil</b>	<b>Senarai tingkah laku</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
1.	Hiperaktif		/
2.	Suka bergerak ke sana ke sini	/	
3.	Cepat marah	/	
4.	Hipoaktif (Berdiam diri )		/
5.	Tiada keyakinan pada diri sendiri .Selalu kata “saya tidak boleh”		/
6.	Mempunyai pergerakan yang lambat.	/	
7.	Tidak mahu mencuba sesuatu tugas baru yang dianggap susah.	/	
8.	Suka mengigit kuku.		/
9.	Terlalu malu dan kurang bergaul.		/

10.	Tidak bertindak balas apabila berbual.		/
11.	Keluar dari tempat duduk tanpa meminta izin guru.	/	
12.	Kurang tumpuan perhatian.	/	
13.	Kurang daya ingatan		/
14.	Kerja comot , tidak lengkap , dan tidak sempurna.	/	
15.	Tidak boleh ikut arahan.		/

Merujuk kepada borang soal selidik di atas menunjukkan tingkah laku dari segi emosi kanak-kanak lembam. Hasil daripada temu bual dan soal selidik yang dilakukan kajian ke atas pelajar yang bernama Nur Siti Aisyah sebagai sampel kajian menunjukkan tiada tingkah laku yang terlampau agresif dan tidak menyenangkan. Namun, tidak dinafikan sampel kajian juga mempunyai tingkah laku emosi yang negatif seperti suka bergerak ke sana sini, cepat marah dan malas membuat kerja yang diminta kerana tiada minat atas kerja yang diminta dibuat oleh guru. Menurut pemerhatian, semasa pengkaji melakukan kajian, sampel kajian mudah berasa bosan jika aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut tidak memberangsangkan baginya.

Semasa kajian dilakukan, sampel kajian sedang duduk bersama-sama rakannya untuk menonton video membuat origami. Kami telah meluangkan masa bersamanya untuk membuat pemerhatian terhadap tingkah laku sampel kajian selepas aktiviti membuat origami tamat. Hasilnya, kami mendapati bahawa sampel kajian akan bersikap malu apabila berhadapan dengan orang yang baharu sahaja dikenali. Sampel kajian bertindak untuk mendiamkan diri dan mengalihkan pandangan. Sikap seperti ini menyebabkan kami sukar berinteraksi dengan sampel kajian. Walaupun begitu, dengan bantuan Guru Penolong Kanan PPKI, kami berjaya menarik minat sampel kajian untuk memberi perhatian terhadap soalan yang kami ajukan dengan langkah berbentuk pujian ke atas diri sampel kajian dan memberi ganjaran ke atas setiap soalan yang

dijawab. Oleh itu, kami menyedari bahawa tingkah laku yang tidak ambil peduli dan bersikap pasif apabila bertemu dengan orang yang tidak dapat dikenali dapat diubah dengan cara yang efektif.

Intiharnya, segala tingkah laku yang ditunjukkan oleh sampel kajian masih dalam keadaan terkawal dan mampu bertindak sebagai pelajar cemerlang dengan bantuan guru dan perhatian yang lebih dari pelbagai aspek. Pendek kata, tingkah laku sampel kajian berada dalam kondisi baik dan memuaskan pihak guru dan ibu bapa.

### **9.3 Tindakan yang boleh diambil oleh guru untuk membentuk kemahiran hidup pelajar berkeperluan khas**

Pelajar berkeperluan khas masalah pembelajaran (lembam) merupakan kanak-kanak yang mempunyai pelbagai kekuatan dan kelemahan yang ada bersama mereka. Guru-guru seharusnya memikirkan bahawa mereka perlu melengkapkan diri dengan pelbagai strategi dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas untuk mengaplikasikan aspek kemahiran hidup di dalam kehidupan seharian mereka..

Dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup kepada murid-murid berkeperluan khas, guru boleh menggunakan modul pengajaran mata pelajaran kemahiran hidup untuk membantu guru menjalankan pengajaran dengan lebih berkesan. Guru boleh mengubahsuai atau membina modul yang bersesuaian mengikut tahap ketidakupayaan murid. Guru-guru tidak perlu menyasarkan terlalu banyak objektif pengajaran bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana murid-murid berkeperluan khas tidak mungkin dapat menguasai terlalu banyak objektif pengajaran dalam sesuatu masa. Guru-guru juga perlu berusaha mencuba teknik pengajaran yang baru agar dapat mencapai objektif pengajaran iaitu teknik pengajaran yang membolehkan pelajar mengikuti sesuatu pelajaran dengan mudah serta menyeronokkan merupakan teknik yang sangat disukai oleh pelajar. Kepelbagaian teknik ini memberi kesan yang positif dalam diri pelajar.

Di dalam Kemahiran Hidup, seseorang amat penting untuk memahami teori pengajaran. Ini adalah kerana kepelbagaian kategori pelajar di dalam kelas serta

masalah kesukaran pelajar mengingat teori pengajaran yang telah diajar oleh guru. Oleh itu, guru haruslah memastikan pelajar dapat mengekalkan penumpuan bagi membentuk konsep yang betul. Oleh itu, guru perlu memastikan pelajar mengekalkan penumpuan bagi membentuk konsep yang betul. Kefahaman teori yang salah akan terbentuk sekiranya guru bercakap secara kuliah tanpa melibatkan penyertaan pelajar dalam pembelajaran dan tanpa menggunakan media pengajaran.

Seterusnya, guru yang mengajar subjek Kemahiran hidup haruslah mengambil Pendekatan Pembelajaran Pengalamian yang mana dijalankan berdasarkan kesediaan dan keupayaan sampel kajian. Pendekatan ini mampu membina sendiri yang positif dalam diri sampel kajian. Guru yang menjalankan kaedah ini boleh memainkan peranan untuk menentukan suasana positif untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pelajar akan dapat belajar tanpa gangguan. Sementelahan itu, guru juga haruslah memberi tugas kepada pelajar agar pelajar tersebut merasakan yang dirinya diberi perhatian serta berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka. Hal ini demikian kerana, sikap mengongkong guru terhadap pembelajaran pelajar akan mengekang idea pelajar untuk memberi pendapat dalam aspek Kemahiran Hidup. Bertitik tolak daripada cara ini, matlamat pengajaran kepada pelajar pendidikan khas akan berjaya dicapai kerana pengurusan guru terhadap aktiviti pembelajaran yang dibentuk adalah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan pelajar.

Selain itu, guru juga boleh mengajar dengan menggunakan kaedah berpusatkan kepada pelajar. Perhatian yang tinggi boleh mewujudkan rasa kasih sayang dan mesra di kalangan pelajar. Dengan itu, guru boleh memperoleh perhatian pelajar. Pendapat ini sejajar dengan pendapat Abu Zahari (1992), iaitu suasana riang dan selesa serta bersih menjadi dorongan kepada murid-murid untuk mengekalkan penumpuan terhadap pembelajaran.

Seterusnya, modul pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup boleh disediakan berkeperluan khas kerana modul ini mengandungi lembaran kerja dan senarai semak untuk menguji tahap penguasaan dan tahap pemahaman murid tentang apa yang dipelajari oleh mereka.

Kesimpulannya, pelajar masalah pembelajaran (lembam) juga mempunyai Kemahiran Hidup yang boleh mereka aplikasikan dalam kehidupan mereka selepas tamat belajar

dengan ilmu pengetahuan yang mereka peroleh sepanjang berada dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. Hal ini demikian kerana, dengan ilmu pengetahuan yang ada, mereka mampu membina kerjaya mereka sendiri di luar sana supaya mereka tidak perlu bergantung harap kepada orang lain untuk membantu kelangsungan hidup mereka. Rujuk lampiran 2.

## 10.0 Rumusan

Kajian ini telah mendedahkan kami kepada pengetahuan dan kemahiran hidup dari segi aspek kemahiran hidup yang terdiri daripada 4 komponen iaitu masakan , jahitan , pertukangan dan perkebunan dalam pendidikan murid-murid berkeperluan khas.Selain itu , menerusi kajian ini , kami sebagai pengkaji mendapat kemahiran untuk merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup kepada murid-murid berkeperluan khas dan Rancangan Pendidika Individu (RPI).

Kajian ini juga telah membawa pengkaji untuk mengetahui lebih mendalam mengenai minat,kefahaman dan pengaplikasian murid-murid berkeperluan khas terhadap isi kandungan Kemahiran Hidup.Walaupun murid-murid berkeperluan khas ini lemah dari segi jasmani , emosi , rohani dan intelek namun mereka mempunyai minat dan bakat seperti murid-murid normal yang lain. Mereka perlu diberi perhatian dan galakkan supaya dapat memberi sumbangan kepada negara sebagaimana murid-murid normal yang lain kerana kejayaan mereka banyak bergantung kepada sokongan daripada ibu bapa , guru dan masyarakat sekeliling.

Menerusi kajian ini , pengkaji lebih memahami tugas dan tanggungjawab seorang guru pendidikan khas untuk berhadapan dengan murid-murid berkeperluan khas yang unik dan mempunyai pelbagai karenah yang tersendiri.

## 11.0 Rujukan

John W.Santrock. (2017). Life Span Development; 16 Edition; McGraw-Hill Education, 2 Penn Plaza, New York, NY 10121

Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad. (2013). Pengantar Pendidikan Khas; Penerbit Universiti Sains Malaysia

Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad.(2015). Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Berkeperluan Khas; Penerbit Universiti Sains Malaysia



## Lampiran

### Lampiran 1

**Arahan : Sila tandakan (/) di dalam kotak yang disediakan**

1. Nama penuh : Nur Siti Aisyah Binti Lillah
2. Umur : 16 Tahun
3. Kategori ketidakupayaan : Lamban
4. Jantina  
(    ) Lelaki  
( / ) Perempuan

### **Bahagian B : Minat Pelajar Pendidikan Khas terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup**

**Arahan: Tandakan (/) pada ruangan yang disediakan.**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
<b>1.</b>	Sampel kajian suka belajar memasak bersama rakan dan guru saya.	/	
<b>2.</b>	Sampel kajian suka belajar memasak dengan kaedah yang betul.	/	
<b>3.</b>	Sampel kajian berminat untuk belajar cara menggunakan alatan memasak di dapur dengan betul.	/	
<b>4.</b>	Sampel kajian suka belajar cara menyimpan peralatan masakan.	/	
<b>5.</b>	Sampel kajian suka belajar cara menyiapkan meja makan.		/
<b>6.</b>	Sampel kajian suka membuat roti , pizza dan kuih-muih	/	
<b>7.</b>	Sampel kajian berminat untuk belajar menggunakan alatan kerja kayu seperti sesiku L dan gergaji tangan.		/
<b>8.</b>	Sampel kajian suka belajar cara menyimpan peralatan kerja kayu.		/

9.	Sampel kajian berminat membuat kerja kayu bersama kawan-kawan.		/
10.	Sampel kajian amat gembira apabila projek siap.	/	
11.	Sampel kajian amat suka berkebun terutama menanam sayur.	/	
12.	Sampel kajian berminat menggunakan peralatan seperti cangkul , pencakar dan sarung tangan		/
13.	Sampel kajian suka mengutip hasil tanaman apabila sudah matang.	/	
14.	Sampel kajian suka belajar menjahit dengan betul		/
15.	Sampel kajian berminat belajar pelbagai jenis jahitan.		/

**Bahagian C : Kefahaman pelajar Pendidikan Khas tentang isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup**

**Arahan: Tanda (/) pada ruangan yang disediakan.**

Bil	Item	Ya	Tidak
1.	Sampel kajian boleh mengenalpasti peralatan memasak seperti kuili , cerek, pinggan dan sebagainya.	/	
2.	Sampel kajian boleh menyebut jenis-jenis menu yang dipelajari.	/	
3.	Sampel kajian pandai menyenaraikan bahan-bahan yang hendak dibeli.		/
4.	Sampel kajian pandai membezakan bahan mentah seperti ayam dan daging.		/
5.	Sampel kajian menyiram sayur-sayuran 2 kali sehari supaya tanaman dapat membesar dengan baik.		/
6.	Sampel kajian boleh menyebut jenis sayur-sayuran seperti bayam ,kangkung dan sawi.		/
7.	Sampel kajian boleh mengenal pasti peralatan perkebunan seperti cangkul , pencakar dan sarung tangan.	/	
8.	Sampel kajian tahu salah laku ketika berkebun.		/

9.	Sampel kajian tahu langkah-langkah penggunaan racun serangga dan baja.		/
10.	Sampel kajian tahu mengumpulkan dan membersihkan semua peralatan perkebunan.	/	
11.	Sampel kajian boleh menerangkan langkah-langkah keselamatan di bengkel kayu.		/
12.	Sampel kajian boleh mengenalpasti alatan tangan kayu seperti pembaris keluli,tukul kuku kambing dan gergaji.		/
13.	Sampel kajian dapat mengenal pasti jenis jahitan.		/
14.	Sampel kajian tahu memasukkan benang dalam jarum		/
15.	Sampel kajian tahu membuat simpulan di hujung benang.		/

**Bahagian D : Pengaplikasian Kemahiran Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Dalam Kehidupan Seharian Pelajar**

**Arahan:Tandakan (/) pada ruangan yang disediakan.**

Bil	Item	Ya	Tidak
1.	Sampel kajian tahu menggunakan mesin basuh dengan betul.		/
2.	Setelah mencuci pakaian sampel kajian akan menjemur pakaian di bawah matahari supaya pakaian cepat kering.		/
3.	Sampel kajian mencuci pakaian sekolah sendiri.		/
4.	Sampel kajian suka membantu guru menutup tingkap dan pintu apabila habis belajar.	/	
5.	Sampel kajian membancuh minuman untuk ibu ,bapa,kakak dan diri saya sendiri.		/
6.	Sampel kajian selalu membantu ibu menghidang makanan.		/
7.	Sampel kajian memasak masakan kegemaran sendiri dengan bantuan ibu .		/
8.	Sampel kajian selalu membantu ibu mengemas kerja makan.		/

<b>9.</b>	Sampel kajian membasuh sendiri pinggan mangkuk selepas makan.		/
<b>10.</b>	Sampel kajian membantu ibu bapa membeli barang keperluan di pasar atau pasar raya.		/
<b>11.</b>	Sampel kajian membantu ibu mengira jumlah harga barang dibeli.		/
<b>12.</b>	Sampel kajian membantu ibu bapa mengemop lantai		/
<b>13</b>	Sampel kajian pandai menjahit pakaian yang koyak dengan sendiri.		/
<b>14</b>	Sampel kajian selalu membantu ibu menyiram pokok bunga di waktu pagi		/
<b>15.</b>	Sampel kajian selalu membantu bapa atau ibu berkebun.		/

## Lampiran 2

### **Borang soal selidik pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru**

Nama sekolah : Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering

Nama Guru : Puan Syamsiah Binti Mat Jali

*Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai pendekatan dan kaedah proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru.*

Bil	Perkara	Ya	Tidak
1.	Saya merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran.	/	
2.	Saya menyediakan rancangan harian yang lengkap setiap kali sebelum pengajaran.	/	
3.	Saya menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran	/	
4.	Saya memilih isi kandungan pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.	/	
5.	Saya menyesuaikan isi kandungan dengan kebolehan murid.	/	
6.	Saya memilih bahan bantu mengajar yang sesuai.	/	
7.	Saya membina bahan bantu mengajar yang sesuai dengan hasil pembelajaran	/	
8.	Saya merancang strategi pengajaran yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai.	/	
9.	Saya memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.	/	
10.	Saya merancang suasana pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan mengembirakan.	/	
11.	Saya membina reka bentuk model membolehkan guru mengembangkan bakat dan potensi sedia ada.	/	
12.	Saya menggunakan pendekatan belajar melalui bermain.	/	
13.	Saya menggunakan pendekatan pembelajaran pengalaman.	/	
14.	Saya menggunakan pendekatan pengajaran bertema yang menggalakkan murid untuk berfikir.		/
15.	Saya berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkong mereka.	/	



Foto 1: Gambar bersama Guru Penolong Kanan PPKI



Foto 2:

Bersama semua guru-guru pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering



Foto 3: Gambar bersama sampel kajian



Foto 4: Gambar bersama sampel kajia